

UUM guna pendekatan baru dalam sistem mentor-mentee

SINTOK 1 Sept. — Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menggunakan pendekatan baru dalam sistem mentor-mentee bagi mempertingkatkan lagi pencapaian prestasi akademik pelajarannya.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, langkah tersebut merupakan antara usaha berterusan UUM supaya pelajar universiti itu dapat mencapai keputusan cemerlang dalam pengajian mereka.

"Pendekatan baru dalam sistem mentor-mentee diyakini akan menjadi satu wahana bagi memantau prestasi setiap pelajar," katanya ketika berucap pada majlis pengisytiharan Konvokesyen ke-14 UUM di Dewan Mu'adzam Shah di sini hari ini.

Pengisytiharan itu disempurnakan oleh Sultan Kedah yang juga Canselor UUM.

Mengenai pencapaian akademik pelajar bumiputera, Dr. Fawzi memberitahu, penelitian prestasi pada semester lalu mendapati kira-kira 20 peratus pel-

jar bumiputera berjaya mencapai tahap purata markah keseluruhan (CGPA) 3.0 ke atas.

Sebanyak 50 peratus pula katanya, berada di tahap antara 2.5 hingga 2.99 dan 27 peratus lagi CGPA mereka antara 2.0 hingga 2.54 dan hanya 3 peratus di bawah 1.99.

Analisis itu juga katanya, membuktikan wujud satu pola iaitu pelajar bumiputera mempunyai pencapaian yang baik dalam bidang teknologi di peringkat sarjana muda.

Beliau memberitahu, tiga program akademik yang memperlihatkan potensi cemerlang berasaskan pencapaian CGPA 3.0 ke atas ialah Sarjana Muda Sains Pemutusan iaitu sebanyak 48.3 peratus, program Pengurusan Teknologi (36.5 peratus) dan Teknologi Maklumat (34.0 peratus).

"Bagi program lain, Sarjana Muda Perakaunan masih terus mendahului apabila 24 peratus pelajar bumiputera mencapai tahap 3.0 ke atas," ujarinya.

UUM 02/09/2001 17:4 UUM 12